

**Malaysia-Thailand kukuh perdagangan  
Utusan Online  
Februari 23, 2012  
Oleh Azran Fitri Abdul Rahim**

BANGKOK 22 Feb. - Malaysia memperkukuhkan hubungan perdagangan dua hala dengan Thailand selepas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatnya, Boonsong Teriyapirom di sini petang ini.

Pertemuan yang diadakan di Kementerian Perdagangan Thailand itu adalah susulan lawatan rasmi Perdana Menteri Thailand, Yingluck Shinawatra ke Kuala Lumpur dua hari lalu.

Mustapa berkata, pertemuan beliau dengan Menteri Perdagangan Thailand itu membuktikan Malaysia terus komited untuk melaksanakan beberapa persetujuan yang dibuat antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Yingluck sebelum ini.

"Lawatan ke sini amat penting khususnya sebaik sahaja Yingluck melawat Kuala Lumpur dan bertemu dengan Perdana Menteri kita Isnin lalu.

"Ini menunjukkan komitmen kita untuk melaksanakan beberapa persetujuan yang dibuat oleh kedua-dua pemimpin, yang penting kita mahu mempertingkatkan lagi perdagangan dan pelaburan antara kedua negara," katanya ketika ditemui selepas pertemuan tersebut.

Turut hadir Duta Besar Malaysia ke Thailand, Datuk Nazirah Hussain dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Datuk Noharuddin Nordin.

Beliau bersama 40 delegasi perniagaan Malaysia dalam rangka misi perdagangan dan pelaburan ke Thailand dan Myanmar bermula hari ini sehingga Jumaat ini bertujuan mengukuhkan perdagangan, pelaburan dan kerjasama ekonomi Malaysia dengan kedua-dua negara tersebut.

Misi itu juga bertujuan mengenal pasti peluang-peluang kerjasama perniagaan dalam sektor-sektor seperti industri pembinaan, pembangunan infrastruktur, pelancongan, pertanian, penjagaan kesihatan, minyak dan gas.

Mengulas mengenai pertemuannya dengan Boonsong hari ini, Mustapa berkata, mereka bersetuju untuk menubuhkan mekanisme pertukaran lawatan tokoh perniagaan dari kedua-dua negara secara berkala.

"Kita adakan hubungan lebih rapat untuk menggerakkan hubungan perdagangan yang lebih mantap. Sekarang Thailand menggalakkan warganya melabur di luar negara.

"Kita rasa potensi untuk meningkatkan hubungan perdagangan antara Malaysia dan Thailand lebih baik disebabkan adanya dasar baru itu," katanya.

Malah, beliau turut yakin jumlah perdagangan di antara kedua-dua negara mencatatkan pertumbuhan pada kadar 10 peratus berbanding tahun lepas. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0223&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_08.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0223&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_08.htm)

